

Arahan: Modul ini adalah untuk tempoh masa 1 jam			
Mata Pelajaran	PENDIDIKAN SAINS SOSIAL DAN ALAM SEKITAR	Sasaran	4 PKKS KARISMA
Tarikh	1 Julai 2021	Masa	9.00-10.00 pagi
Tajuk	Unit 6 : Kelestarian 6.1 Kitar Semula Bahan Buangan Aluminium.		
Standard Pembelajaran	6.1.3 Melaksanakan pameran projek kitar semula bahan buangan daripada aluminium.		
Objektif Pembelajaran	Pada akhir PDPR murid boleh: 1.Menyatakan 4 cara dalam merancang pameran projek kitar semula 2.Mengaplikasi proses kreatif berasaskan projek. 3.Murid dapat menghasilkan produk dari bahan terbuang yang dibina berasaskan aluminium		
Tempoh Masa	1 Jam		
Aktiviti Pembelajaran	Sila rujuk link buku teks digital untuk memudahkan pemahaman 1. https://drive.google.com/file/d/1JBkuXPP2Nkxth1QiYilB2vwUSU21tPKh/view?usp=drivesdk 2. Murid membaca arahan yang diberikan oleh guru dan klik pada pautan pembelajaran yang diberikan. 3. Murid meneliti sumber pembelajaran dan cuba menjawab soalan yang diberikan. 4. Murid dapat menghasilkan produk dari bahan kitar semula aluminium 5. Murid-murid diminta untuk menjawab soalan melalui latihan interaktif di Liveworksheet .		
Latihan	1. Sila jawab latihan interatif yang diberikan 2. 'Screenshot' paparan markah yang diperolehi melalui latihan interaktif dan hantar kepada guru untuk direkodkan (jika ada persoalan/pertanyaan boleh hubungi Cikgu di Whatapps)		
Pentaksiran	Anda akan dinilai berdasarkan tugas yang diberikan		

UNIT 6 : KELESTARIAN

6.1 : KITAR SEMULA BAHAN BUANGAN ALUMINIUM



Unit
6

KELESTARIAN

Lestari bermaksud kekal dan tidak berubah. Manakala, kelestarian alam sekitar dikaitkan dengan tanggungjawab untuk melindungi dan mengekalkan keindahan flora dan fauna. Melindungi alam sekitar dapat mengurangkan pencemaran. Hal ini menjamin dunia pada masa akan datang masih baik dan selamat untuk generasi seterusnya.

96

6.1.3 : PAMERAN PROJEK KITAR SEMULA

6.1.3 Pameran Projek Kitar Semula

Pameran projek kitar semula bahan buangan dapat memupuk semangat cinta akan alam sekitar.

Rancang satu pameran di sekolah bersama rakan kelas anda dengan menekankan aspek berikut:

I. Kepentingan kitar semula

Aktiviti I:

Hasilkan galeri gambar yang menunjukkan kesan buruk pembuangan sampah aluminium tanpa pengurusan yang baik.



Menjadi tempat pembiakan jentik-jentik.



Mencemarkan pemandangan alam sekitar.



Celik Ilmu

Pencemaran yang terhasil daripada perlombongan bauksit sebagai bahan mentah untuk menghasilkan aluminium dapat dikurangkan dengan mengitar semula bahan buangan daripada aluminium.



Longgokan sisa buangan.

2. Cara mengumpul bahan terbuang daripada aluminium

Aktiviti 2:

Hasilkan satu poster yang menunjukkan cara mengumpul bahan terbuang daripada aluminium.



3. Memupuk amalan menjaga alam sekitar

Aktiviti 3:

- Menyertai gotong-royong di kawasan sekolah bersama rakan sekelas.
- Membersihkan kawasan persekitaran sekolah.
- Mengumpul bahan buangan yang boleh dikitar semula.
- Mengasingkan barangan mengikut kumpulan bahan buangan kitar semula.

4. Memupuk kreativiti murid dalam mengitar semula bahan buangan

Aktiviti 4:

Menjalankan pertandingan atau pameran reka cipta barangan kitar semula bahan buangan daripada aluminium. Contoh hasil reka cipta bahan buangan daripada aluminium:



Karya seni kerajang aluminium.



Tabung tin susu.



Pasu bunga daripada tin minuman.



Bekas serba guna daripada tin makanan.

LATIHAN 1

1. Nyatakan 4 cara dalam merancang pameran projek kitar semula

a.

b.

c.

d.

2. Nyatakan cara mengumpul bahan terbuang daripada aluminium

a.

b.

c

'Wah, bagus! Cikgu sangat kagum dengan kamu semua yang kyusuk menyiapkan latihan/tugasan yang diberi.

Cikgu sangat yakin, apabila semua pelajar menumpukan perhatian menjawab soalan yang diberikan, tentu latihan/tugasan kamu akan segera siap. Terima kasih kepada semua pelajar yang telah menyiapkannya.....**TANIAH**



PDPR
14.6.2021 –
16.7.2021

Adab-Adab
semasa PDPR

- ✓ Buat persediaan
- ✓ Baca doa belajar
- ✓ Beri tumpuan
- ✓ Memberi respon
- ✓ Berterima kasih